



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 SEPTEMBER 2016

Sikap Dr. Mahathir anggap pembela Najib Menteri Propaganda Nazi menjelikkan

um - 30/9/2016

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Sikap Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat semakin menjelikkan berikutan kenyataannya menyamakan penggiat media sosial yang membela Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sama seperti Menteri Propaganda Nazi.

Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rahman Dahlan menyifatkan kenyataan itu dibuat demi menutup rasa malu berikutan lawatan kerja Najib ke Jerman minggu ini, yang membuktikan betapa tersasar dakwaan Dr. Mahathir kononnya Malaysia menuju kegagalan.

Katanya, beliau bukan sahaja membandingkan Perdana Menteri dan semua yang berada dalam kerajaan sebagai Nazi, tetapi melakukannya ketika Najib berada di Jerman.

Menurut beliau, kenyataan tersebut dianggap sebagai terdesak serta tidak waras, dan adalah amat memalukan melihat bekas Perdana Menteri memusnahkan legasi sendiri, selain mendedahkan dirinya sebagai seorang yang kecewa dan pendendam.

"Jerman telah menebus masa silamnya dan membina demokrasi yang menjadi contoh kepada banyak pihak. Justeru, tidak wajar untuk menghina sebuah negara dan mengungkit segala sejarah lampau yang memeritkan semata-mata untuk mendapat kelebihan politik.

"Sekali lagi, Dr. Mahathir menunjukkan beliau bukan negarawan, tetapi mengaibkan Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dr. Mahathir dalam artikel yang dimuat naik di laman web *chedet.cc* semalam dipetik sebagai berkata, di bawah peme-

rintahan Nazi di Jerman, menteri yang terkenal sekali ialah Joseph Goebbels, Menteri Propaganda dan tugasnya ialah mentransformasi segala yang buruk yang dilakukan oleh rejim Nazi supaya ternampak bukan sahaja baik tetapi mulia.

Malangnya selain daripada orang Nazi, tiada siapa pun yang mempercayai gambaran yang cuba dipamerkan oleh Goebbels dan kementerianannya.

Katanya, sejak Najib dituduh melepaskan berbilion ringgit wang 1MDB, ramailah Goebbels kecil yang ditugaskan memperbaiki imej Najib dengan pelbagai jenis penjelasan dan dakwaan.

Abdul Rahman mendakwa, tindakan tersebut dibuat berkemungkinan kerana perancangan untuk mengguling kerajaan yang dipilih secara demokratik supaya anaknya dapat menjadi Perdana Menteri telah gagal.

Katanya, baik bekas Perdana Menteri mahupun yang masih memegang jawatan, mereka tidak sewajarnya berada dalam kancah politik picians, bagaimanapun, Dr. Mahathir kelihatan berasa amat selesa berada di posisi tersebut.

"Mujurlah Dr. Mahathir tidak lagi memimpin Malaysia. Beliau menimbulkan kebencian dan menyinggung banyak perasaan di Jerman, negara yang membawa kumpulan pelabur Eropah terbesar ke Malaysia tahun lalu.

"Pelaburan keseluruhan Jerman bernilai AS\$11.4 bilion (RM46.88 bilion). Perdana Menteri Malaysia menjadi tetamu kehormat Canselor Angela Merkel dan bersama berusaha ke arah meningkatkan kepentingan ekonomi dan keselamatan Malaysia serta rakyatnya," ujarnya.



ABDUL RAHMAN DAHLAN